

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 25 JULAI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

**Bil. 17**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. 75-100367  
**Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah wujudnya kekurangan dalam negara bagi jawatan-jawatan kritikal seperti doktor, farmasi, jurutera, arkitek, geologis, aktuari, akauntan dan apakah strategi yang telah diambil bagi memastikan keperluan tersebut dapat dicapai serta anggaran keperluan jawatan-jawatan tersebut bagi tahun 2010 dan 2020.
2. 19-100361  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengapa tiada tindakan tegas dikenakan kepada pengusaha-pengusaha teksi yang masih enggan menggunakan meter malah mengapa penggunaan teksi tidak diseragamkan ke seluruh negara.
3. 22-100192  
**Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil bagi mencegah aktiviti serta membatalkan pendaftaran satu persatuan yang dinamakan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (FSFM).
4. 59-100103  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapakah syarikat termasuk syarikat asing yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengusahakan industri bio-teknologi.
5. 27-100146  
**Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan jangka panjang dan pendek yang telah diambil oleh Kementerian dalam mengadakan latihan-latihan kemahiran di seluruh negara kepada golongan rakyat termiskin sama ada secara separuh masa seperti pada waktu malam ataupun hujung minggu agar mereka tidak ketinggalan dalam mendapatkan ilmu kemahiran.

6. 62-100431  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu badan bebas atau suruhanjaya yang boleh menyiasat atau mengawasi anggota-anggota penguatkuasa atau pasukan keselamatan yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan kuasa, kes-kes jenayah seperti mana yang dipraktikkan negara maju dengan unit "Internal Affairs" untuk membersihkan dan menjaga nama baik pasukan tersebut.
7. 58-100302  
**Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh KLIA untuk menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan antarabangsa menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) "regional hub" telah berjaya. Nyatakan kejayaan dan halangan yang dihadapi.
8. 39-100165  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa kerapkah pemantauan terhadap kenaikan harga barang dilakukan dan bukannya hanya pada masa perayaan. Apakah tindakan tegas yang diambil terhadap mereka yang menaikkan harga tanpa kebenaran Kerajaan ini.
9. 41-100214  
**Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
  - (a) apakah cara untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai seperti yang telah digariskan oleh YAB. Perdana Menteri dalam enam punca kelemahan projek Kerajaan; dan
  - (b) untuk mengelakkan perkara seperti ini berulang, apakah langkah-langkah yang akan diambil pada masa hadapan.
10. 23-100221  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kementerian bagi memastikan destinasi pelancongan seperti Pekan Padang Besar, sempadan negeri Perlis dengan daerah Sadao, Selatan Thailand menjadi tumpuan semula pelancong-pelancong luar dan dalam negeri di mana ianya adalah tumpuan yang cukup hebat dan popular di suatu ketika dahulu tetapi kini telah menjadi satu pekan yang lengang dan lenyap begitu sahaja.

11. 53-100329  
**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status Zoo Negara kita yang kini tidak lagi popular bagaikan hidup segan mati tak mahu. Apakah rancangan-rancangan Kementerian bagi menghidupkan semula Zoo Negara sebagai pusat riadah keluarga yang suatu masa dahulu menjadi tumpuan keluarga yang bercuti.
12. 51-100282  
**Tuan Chiam Yong Tee** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina balai bomba di daerah Bagan Datok, Perak.
13. 70-100025  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian terhadap lebih enam juta belia yang masih tidak berpersatuan dan apakah mungkin ada sesuatu yang tidak kena dengan imej persatuan belia hingga menyebabkan ramai generasi muda tidak cenderung untuk berpersatuan.
14. 52-100472  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Kementerian di dalam melanjutkan tempoh perkhidmatan bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang telahpun bersara.
15. 15-100456  
**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa banyakkah koperasi telah diwujudkan di kalangan wanita di negara ini dan jumlah keanggotaan kaum wanita di dalam koperasi. Apakah mekanisme Kementerian untuk memastikan koperasi membabitkan wanita akan dapat membangun dan berkembang serta dijamin daripada 'gulung tikar' sehingga merugikan kaum wanita dan menyebabkan mereka terdedah kepada risiko "gender crimes".
16. 18-100082  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan kes tuntutan insurans yang melibatkan kemalangan dapat diselesaikan dengan kadar segera kerana kebanyakan mangsa di luar kemampuan untuk menanggung kos perubatan dan saraan hidup.
17. 61-100350  
**Datuk Jins Shamsudin** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sebuah stesyen tv mempunyai ahli lembaga penapisnya sendiri, tidakkah amalan ini menjejaskan kewibawaan Kementerian dan mungkin akan dianggap sebagai Double Standard.

18. 20-100063  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk melicinkan pelaksanaan program prasarana asas seperti bekalan elektrik 24 jam secara Solar Hybrid System, bekalan air bersih dan jalan kampung di kawasan perkampungan orang asli.
19. 45-100196  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kadar penglibatan lulusan Institut Pertanian di seluruh negara yang kini terlibat dalam industri asas tani.
20. 29-100407  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mendirikan sekolah berasrama penuh di setiap daerah dan berapakah peruntukan pembinaan sekolah berkenaan dalam RMK-9.
21. 38-100244  
**Puan Mariah binti Haji Abdullah** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah kejayaan saintis kita menyediakan Angkasawan negara dapat dicapai sehingga pertengahan tahun ini dan adakah usaha ini akan menjadi kenyataan sebelum menjelang tahun 2020.
22. 74-100130  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah punca yang menjadikan Lebuh Raya PLUS di Kobah dan Tokai, Kedah beralun dan menakung air semasa hujan walaupun telah dibaiki beberapa kali. Keadaan yang tidak memuaskan ini akan menjadi bahaya dan tidak selesa kepada pengguna-pengguna lebuh raya.
23. 69-100344  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan atau tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ke atas peminjam pelajaran yang gagal dikesan. Adakah satu kaedah tertentu dibuat untuk mengesan peminjam-peminjam ini atau Kementerian akan menghapuskan nama-nama mereka ini begitu sahaja.
24. 37-100292  
**Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk membayar elaun lebih masa kepada golongan guru yang bertugas pada cuti mingguan selepas pelaksanaan sistem kerja 5 hari seminggu.

25. 60-100291  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan dan langkah terkini yang sudah diambil oleh Malaysian Biotechnology Development Corporation dalam membangunkan bidang biotek di negara kita. Dan apakah rasional dan praktikalnya Malaysia menganjurkan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa mengenai biotek di Amerika Syarikat.
26. 17-100207  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa tahun lagi rizab minyak petroleum mentah yang boleh digali dan apakah persediaan dan usaha Kerajaan untuk menghadapi situasi di mana pengeluaran petroleum tidak lagi menjadi salah satu daripada pendapatan utama Kerajaan.
27. 45-100184  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai institusi-institusi pengajian perubatan luar negara yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) pada masa ini.
28. 39-100166  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan dan mengenal pasti kawasan-kawasan yang selalu berlaku jenayah dikendalikan khas oleh bahagian jenayah dalam perkhidmatan polis dengan menggunakan pengawal keselamatan swasta yang lengkap dengan alatan-alatan canggih yang boleh mengawal jenayah.
29. 4-100421  
**Datin Paduka Jaya Partiban** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian mengatur program-program tertentu untuk memberi galakkan dan panduan kepada peniaga yang memerlukan bantuan dan apakah program-program tersebut.
30. 20-100072  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pengguna kad kredit sejak tahun 2001 hingga 2004 dan adakah syarat-syarat kawalan baru diperkenalkan untuk mengekang masalah keberhutangan dan mufliis di kalangan pengguna.
31. 48-100122  
**Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengapa Malaysia enggan melibatkan masyarakat antarabangsa di dalam kawalan keselamatan kapal-kapal di Selat Melaka di mana lebih daripada 58,000 buah kapal dunia melaluinya setiap tahun memandangkan kekurangan keupayaan kita sendiri.

32. 47-100114  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan negeri-negeri yang mempunyai Jemaah Hakim Pelawat bagi penjara, pusat tahanan dalam negara dan pusat serenti.
33. 46-100028  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Bio Plant ke arah mencipta Biofuel sebagai bahan api alternatif. Apakah sudah ada prototype engine untuk biofuel tersebut.
34. 4-100425  
**Datin Paduka Jaya Partiban** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bagaimanakah untuk menentukan program-program seperti drama dan majalah dalam bahasa tamil dapat disiarkan melalui televisyen pada waktu yang sesuai agar kumpulan sasaran yang ditujukan dapat mengikutinya.
35. 17-100205  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha, tindakan dan pengauditan Kerajaan untuk menentukan wang ringgit rakyat yang diperuntukkan kepada projek Kerajaan dibelanjakan dengan lebih sempurna untuk memanfaatkan lebih ramai rakyat dan tidak disalurkan kepada pihak yang sendirinya tidak mengurus dan menjalankan projek.
36. 56-100462  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kejayaan Majlis Keselamatan Jalan Raya dalam mengurangkan kes-kes kemalangan-kemalangan jalan raya di negara ini
37. 25-100237  
**Puan Ooi Siew Kim** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah permohonan warganegara Malaysia dari mereka yang sememangnya lahir di Malaysia dan pada masa ini masih penduduk tetap di mana mereka tidak mempunyai sijil warganegara mengikut perkara 16 Perlembagaan Malaysia.
38. 67-100325  
**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan Kerajaan terhadap institusi kewangan tempatan di dalam pembiayaan pelaburan dan sejauh manakah Kementerian mengetahui tentang kes-kes seperti penarikan balik pembiayaan pelaburan oleh Hong Leong Bank berleluasa dan menyukarkan syarikat tempatan berurusan dan berkedudukan stabil.
39. 9-100387  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melanjutkan umur pesara wajib bagi anggota berpangkat Sarjan dan ke atas kepada umur 45 tahun dan yang berpangkat Koperal dan ke bawah ke umur 40 tahun dan berpencen.

40. 47-100116  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan susulan terhadap Resolusi Persidangan Wanita NAM baru-baru ini dan apakah implikasi serta manfaat yang dapat diharapkan oleh wanita dalam negara.
41. 40-100254  
**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap kemalangan pesawat jenis Hawk yang sering berlaku seperti di tahun 1996 di Tenom, Sabah, 1998 di Kuala Botic Gua Musang, Kelantan, 2000 di Labuan, Sabah dan 2002 di Pulau Tioman, Pahang.
42. 19-100373  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berhubung pelaksanaan kerja 5 hari seminggu di peringkat sekolah. Adakah pihak Kementerian telah menyediakan satu perancangan atau garis panduan berhubung pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum, khususnya bagi unit beruniform dan program guru yang biasanya dilaksanakan pada hari Sabtu.
43. 29-100413  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah cadangan penggunaan dinar mas yang disebut-sebut satu ketika dahulu dan bilakah ianya akan mula digunakan.
44. 18-100077  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kawalan yang telah dan sedang diambil bagi memastikan lambakan kad kredit tidak berlaku di negara kita yang sekali gus menjerus kepada penambahan hutang dan perbelanjaan di luar kawalan.
45. 24-100271  
**Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah masalah utama yang dihadapi Kementerian untuk membangunkan infrastruktur jalan raya di Sabah dan sama ada ianya diambil kira di dalam perancangan Kerajaan pusat untuk pembangunan menyeluruh sistem jalan raya yang efisien dan berdaya maju di Sabah untuk membantu rakyat terutama di kawasan luar bandar yang sedang membangun.
46. 20-100069  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan pelajar yang lulus dalam peperiksaan SPM dan STPM tahun 2004.

47. 46-100038  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil bagi membendung penyalahgunaan wanita sebagai simbol seks terutama menerusi iklan di dalam majalah.
48. 43-100008  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah kejadian 106 majikan yang sedang diburu kerana gagal menjelaskan kira-kira RM3 juta levi pekerja asing yang masuk menerusi Pusat Khidmat Sehati (ORC) sejak lebih sebulan lalu boleh berlaku.
49. 9-100396  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian telah diberi peruntukan yang diperlukan dengan secukupnya bagi mencapai hasrat YAB. Perdana Menteri bagi memperkukuhkan sektor pertanian dan apakah perancangan Kementerian bagi mencapai hasrat tersebut.
50. 60-100306  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa banyakkah kes-kes perdagangan dan longgokkan sisa toksid yang masih berlaku di Malaysia. Apakah ianya berlaku kerana JAS tidak mempunyai peruntukan undang-undang yang mencukupi untuk membanterasnya.
51. 62-100437  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah YAB. Perdana Menteri bercadang akan mengkaji untuk meminda, menggubal ataupun memansuhkan mana-mana undang-undang serta Akta yang sudah lama tidak dikuatkuasakan seperti undang-undang yang telah digunakan sejak 1952 tanpa sebarang pindaan.
52. 70-100037  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang menyiarkan senarai nama pelajar layak memasuki Kolej Matrikulasi menerusi media massa kerana pengambilan pelajar-pelajar melalui On-line seperti yang dibuat sekarang menimbulkan banyak masalah terutama kepada pelajar luar bandar yang tidak mempunyai komputer di rumah dan sukar mendapat khidmat komputer di Cyber Cafe.
53. 75-100382  
**Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah keuntungan bersih Khazanah Nasional Berhad bagi tahun kewangan berakhir Disember, 2004 dan sejauh manakah sumbangan ini diperolehi melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC's) dan jumlah nilainya yang terkumpul dalam pasaran modal Bursa Malaysia pada ketika ini.

54. 9-100401  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membolehkan capaian internet secara menyeluruh ke seluruh negara merangkumi negeri, bandar dan kampung mencapai 100 peratus kejayaan menjelang tahun 2010.
55. 74-100131  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah inflasi di negara kita akibat kenaikan harga diesel.
56. 60-100318  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah IPTS yang terlibat menyalahgunakan visa dengan membawa masuk pelajar asing ke negara ini untuk bekerja secara haram. Apakah jumlahnya ramai dan dapat dikesan untuk dihantar balik ke negara asal mereka.
57. 42-100139  
**Tuan Tan Cheng Tee** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bahawa kenyataan beliau yang mengatakan hanya penuntut institusi awam sahaja yang layak mendapat pinjaman PTPTN boleh menyekat hasrat golongan besar rakyat untuk melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi swasta kerana faktor tidak berkemampuan dan mengapa Kementerian bertindak demikian.
58. 23-100226  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan Kerajaan supaya bank pertanian, bank pembangunan, bank rakyat dan semua bank-bank komersial yang terdapat di dalam Malaysia memberi kemudahan pinjaman kepada usahawan kecil yang ingin menceburkan diri dalam sektor pertanian, perikanan dan perternakan.
59. 21-100152  
**Datin Naomi Chong Set Mui** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Feri Malaysia akan mula berkhidmat atau beroperasi di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk meningkatkan pelancongan dalam negeri dan bagi memupuk integrasi nasional di antara rakyat Malaysia.
60. 72-100092  
**Dato' Kamarudin bin Ambok** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam menyemarakkan lagi LIMA yang akan dilangsungkan tidak lama lagi, terutama di dalam menggalakkan pembangunan industri sokongan kepada industri pertahanan di negara ini.

61. 8-100466  
**Tuan Saravanan a/l Murugan** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengapakah kejadian lanun menawan kapal-kapal di perairan negara masih berlaku walaupun Kerajaan menjanjikan akan menangani masalah ini dengan segera tetapi kejadian yang seumpamanya masih juga berlaku.
62. 19-100366  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa banyakkah sungai-sungai di Malaysia yang telah dicemari dan apakah langkah-langkah yang akan diambil atau pun yang sedang dilaksanakan untuk memulihkan keadaan sungai-sungai negara.
63. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan agensi manakah yang bertanggungjawab memantau atau menyelaras penyiaran stesen televisyen kumpulan RTM dan stesen televisyen swasta ASTRO, TV 3 dan NTV7.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 15/2005) Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [21 Julai 2005]**
2. (D.R. 16/2005) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R. 17/2005) Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; “
4. (D.R. 14/2005) Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. “

5. **Menteri Pengangkutan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Majlis membuat ketetapan bahawa Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005 yang ditarik balik pada 16 Mei 2005 di dalam Majlis ini dibentangkan semula oleh Y.B. Menteri Pengangkutan untuk dibaca kali yang kedua dan dipertimbangkan di semua peringkat dalam Mesyuarat ini”.

6. (D.R. 5/2005) Rang Undang-undang Kesalahan-Kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005. **Bacaan Kali Yang Kedua**

7. 20-100074  
**Tuan Osman bin Bungsu** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil perhatian yang amat serius terhadap pencapaian pelajar-pelajar orang asli di dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang dikatakan amat rendah status pencapaiannya berbanding dengan pelajar-pelajar bumiputera yang lain. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah segera untuk meningkatkan minat dan pencapaian pelajar berkenaan.

8. 22-100206

**Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum negara Myanmar akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2006;

Mengambil maklum kepimpinan Myanmar masih belum mengembalikan sistem demokrasi di negaranya seperti yang digalakkan oleh ASEAN dan komuniti dunia;

Mengambil maklum bahawa pemimpin yang dipilih oleh rakyat, Daw Aung San Suu Kyi masih di bawah tahanan di rumah (house arrest);

Maka Dewan ini mengambil keputusan bahawa Myanmar tidak dibenarkan memegang jawatan pengerusi ASEAN sehingga Daw Aung San Suu Kyi dan semua yang dianggap tahanan politik dibebaskan, dan kepimpinan negara tersebut benar-benar membuka ruang untuk pemulihan demokrasi di Myanmar."

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2005</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.45	Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (No.2) 2004 -P.U.(A) 359 bertarikh 28 Oktober 2004.	25 Julai 2005
ST.46	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.18) 2004 -P.U.(A) 377 bertarikh 11 November 2004.	25 Julai 2005
ST.47	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.19) 2004 -P.U.(A) 378 bertarikh 11 November 2004.	25 Julai 2005
ST.48	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.20) 2004 -P.U.(A) 379 bertarikh 11 November 2004.	25 Julai 2005
ST.49	Kaedah-kaedah Petroleum(Cukai Pendapatan) (Elaun Loji Yang Layak)(Peralatan dan Kelengkapan Perlindungan Alam Sekitar) 2004 -P.U.(A) 397 bertarikh 2 Disember 2004.	25 Julai 2005
ST.50	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.21) 2004 -P.U.(A) 405 bertarikh 16 Disember 2004.	25 Julai 2005
ST.51	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.22) 2004 -P.U.(A) 406 bertarikh 16 Disember 2004.	25 Julai 2005
ST.52	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2005 -P.U.(A) 4 bertarikh 6 Januari 2005.	25 Julai 2005

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.53	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.2) 2005 -P.U.(A) 11 bertarikh 13 Januari 2005.	25 Julai 2005
ST.54	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.3) 2005 -P.U.(A) 12 bertarikh 13 Januari 2005.	25 Julai 2005
ST.55	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.4) 2005 -P.U.(A) 13 bertarikh 13 Januari 2005.	25 Julai 2005
ST.56	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.5) 2005 -P.U.(A) 14 bertarikh 13 Januari 2005.	25 Julai 2005
ST.57	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata (Pindaan) (No.7) 2004 -P.U.(A) 418 bertarikh 23 Disember 2004.	25 Julai 2005
ST.58	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata (Pindaan) (No.8) 2004 -P.U.(A) 420 bertarikh 24 Disember 2004.	25 Julai 2005
ST.59	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata (Pindaan) (No.9) 2004 -P.U.(A) 423 bertarikh 30 Disember 2004.	25 Julai 2005

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.60	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata (Pindaan) (No.10) 2004 -P.U.(A) 431 bertarikh 31 Disember 2004.	25 Julai 2005
ST.61	Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 2004 -P.U.(A) 419 bertarikh 24 Disember 2004.	25 Julai 2005
ST.62	Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 2004 -P.U.(A) 430 bertarikh 31 Disember 2004.	25 Julai 2005
ST.63	Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2005 -P.U.(A) 23 bertarikh 27 Januari 2005.	25 Julai 2005
ST.64	Perintah Duti Eksais (Tioman) 2004 -P.U.(A) 242 bertarikh 8 Julai 2004.	25 Julai 2005
ST.65	Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 2004 -P.U.(A) 433 bertarikh 31 Disember 2004.	25 Julai 2005
ST.86	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bgai Tahun 2003 (Telah Diaudit).	25 Julai 2005
ST.87	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	25 Julai 2005
ST.88	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	25 Julai 2005
ST.89	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	25 Julai 2005